APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# 2024









# RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

## HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI DI KAWASAN PARLIMEN

## P.003 ARAU

# Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

## P.003 ARAU


**Penyunting Siri**
Nurul Syaza Mazelan

**Penulis**
Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim



APPGM-SDG
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# ISI KANDUNGAN

**LAPORAN P.003 ARAU**

**Kata Pengantar** - Nur Rahmah Othman I
**Pendahuluan** - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin III

**BAHAGIAN A**
Laporan Lawatan Pemetaan Isu 1-11

**BAHAGIAN B**
Laporan Pemetaan Isu
1.0 Pengenalan 13
2.0 Pemetaan Isu 14-33
3.0 Pengutamaan Isu 34-49

# KATA PENGANTAR

***Nur Rahmah Othman***

*Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat*

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk *"Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024"*. Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

**Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid**

| JILID | ZON/WILAYAH | JUMLAH KAWASAN PARLIMEN | PENYELIDIK |
|---|---|---|---|
| Jilid 1 | Zon Utara | 9 | 3 |
| Jilid 2 | Zon Timur | 4 | 3 |
| Jilid 3 | Zon Tengah | 7 | 5 |
| Jilid 4 | Zon Selatan | 4 | 3 |
| Jilid 5 | Wilayah Sabah | 3 | 1 |
| Jilid 6 | Wilayah Sarawak | 3 | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 30 | |

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

**PENGHARGAAN**
Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiysah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENDAHULUAN

***Nurul Syaza Mazelan***

*Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen*

***Siti Nur Ain Zakinuddin***

*Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur*

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.

Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarkan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parliman tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.




Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetuai proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

**Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024**

| BIL. | ZON/WILAYAH | NEGERI | DAERAH/BAHAGIAN | PARLIMEN | KOD | NAMA AHLI PARLIMEN | PARTI | KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Utara | Perak | Pengkalan Hulu | Gerik | P054 | YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob | PN-BERSATU | Dr Thanaraj Murudi |
| 2. | Utara | Perak | Kerian | Bagan Serai | P058 | YB Datuk Idris Bin Ahmad | PN-PAS | Dr Thanaraj Murudi |
| 3. | Utara | Kedah | Langkawi | Langkawi | P004 | YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah | PN-BERSATU | Siti Noraiysah Rohim |
| 4. | Utara | Perak | Perak Tengah | Parit | P069 | YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib | PN -PAS | Siti Noraiysah Rohim |
| 5. | Utara | Pulau Pinang | Seberang Perai Utara | Tasek Gelugor | P042 | YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan | PN-BERSATU | Siti Noraiysah Rohim |
| 6. | Utara | Pulau Pinang | Barat Daya dan Timur Laut | Bayan Baru | P052 | YB Tuan Sim Tze Tzin | PH-PKR | Siti Noraiysah Rohim |
| 7. | Utara | Pulau Pinang | Timur Laut | Bukit Bendera | P048 | YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid | PH-DAP | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |

| BIL. | ZON/WILAYAH | NEGERI | DAERAH/BAHAGIAN | PARLIMEN | KOD | NAMA AHLI PARLIMEN | PARTI | KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8. | Utara | Perak | Perak Tengah | Pasir Salak | P073 | YB Tuan Jamaludin Bin Yahya | PN-PAS | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| 9. | Utara | Perlis | Negeri Perlis | Arau | P003 | YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim | PN-PAS | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| 10. | Timur | Pahang | Maran dan Temerloh | Kuala Krau | P087 | YB Tuan Kamal Bin Ashaari | PN-PAS | Dr Thanaraj Murudi |
| 11. | Timur | Pahang | Pekan | Pekan | P085 | YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali | BN-UMNO | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| 12. | Timur | Terengganu | Hulu Terengganu | Hulu Terengganu | P038 | YB Dato' Rosol Bin Wahid | PN-BERSATU | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |
| 13. | Timur | Kelantan | Kota Bharu | Ketereh | P026 | YB Dato' Khlir Bin Mohd Nor | PN | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |
| 14. | Tengah | Selangor | Klang | Kapar | P109 | YB Dr. Hajah Halimah Ali | PN-PAS | Dr Thanaraj Murudi |
| 15. | Tengah | Selangor | Klang | Klang | P110 | YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman | PH-DAP | Dr Thanaraj Murudi |

| BIL. | ZON/WILAYAH | NEGERI | DAERAH/BAHAGIAN | PARLIMEN | KOD | NAMA AHLI PARLIMEN | PARTI | KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16. | Tengah | Selangor | Kuala Selangor | Tg Karang | P095 | YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi | PN | Siti Noraiysah Rohim |
| 17. | Tengah | Kuala Lumpur | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Batu | P115 | YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran | PH-PKR | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |
| 18. | Tengah | Selangor | Sabak Bernam | Sungai Besar | P093 | YB Datuk Muslimin Bin Yahaya | PN-BERSATU | Mohamed Daniel Mokhtar |
| 19. | Tengah | Selangor | Shah Alam | Shah Alam | P108 | YB Tuan Haji Azli Bin Yusof | PH-AMANAH | Nurul Syaza Mazelan |
| 20. | Tengah | Kuala Lumpur | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Bandar Tun Razak | P124 | YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail | PH-PKR | Nurul Syaza Mazelan |
| 21. | Selatan | Negeri Sembilan | Port Dickson | Port Dickson | P132 | YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun | PH-PKR | Siti Noraiysah Rohim |
| 22. | Selatan | Negeri Sembilan | Kuala Pilah | Kuala Pilah | P129 | YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan | BN-UMNO | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |

| BIL. | ZON/WILAYAH | NEGERI | DAERAH/BAHAGIAN | PARLIMEN | KOD | NAMA AHLI PARLIMEN | PARTI | KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 23. | Selatan | Johor | Tangkak | Ledang | P142 | YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh | PH-PKR | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| 24. | Selatan | Johor | Muar, Tangkak, Segamat | Pagoh | P143 | YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin | PN-BERSATU | Nurul Syaza Mazelan |
| 25. | Sarawak | Sarawak | Bau dan Lundu | Mas Gading | P192 | YB Tuan Mordi Anak Bimol | PH-DAP | Raine Melissa Riman |
| 26. | Sarawak | Sarawak | Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian) | Mukah | P213 | YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib | GPS-PBB | Raine Melissa Riman |
| 27. | Sarawak | Sarawak | Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah) | Sibuti | P218 | YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni | GPS-PBB | Raine Melissa Riman |
| 28. | Sabah | Sabah | Kota Marudu | Kota Marudu | P168 | YB Datuk Wetrom Bin Bahanda | KDM | Nurrul Fazlina Osman |

| BIL. | ZON/WILAYAH | NEGERI | DAERAH/BAHAGIAN | PARLIMEN | KOD | NAMA AHLI PARLIMEN | PARTI | KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 29. | Sabah | Sabah | Sipitang | Sipitang | P178 | YB Datuk Matbali Bin Musah | GRS | Nurrul Fazlina Osman |
| 30. | Sabah | Sabah | Kinabatangan dan Tongod | Kinabatangan | P187 | YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin | BN-UMNO | Nurrul Fazlina Osman |

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

## PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisaan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

<table>
<tr><th colspan="2">Status Individu</th><th>Kaum Minoriti</th></tr>
<tr><td colspan="2">1. Kumpulan B40 / miskin tegar<br>2. Penduduk M40<br>3. Orang kurang upaya (OKU)<br>4. Ibu / Bapa tunggal<br>5. Wanita<br>6. Warga emas<br>7. Belia<br>8. Kanak-kanak<br>9. Warga asing / Pelarian<br>10. Tiada warganegara<br>11. Ketua Isi Rumah</td><td>1. Komuniti Cina<br>2. Komuniti India<br>3. Komuniti Siam<br>4. Orang Asli/Asal<br>5. Komuniti Bugis<br>6. Komuniti Iban<br>7. Komuniti Kedayan</td></tr>
<tr><th colspan="2">Jenis Pekerjaan</th><th>Pendidikan</th></tr>
<tr><td>Pertanian</td><td>1. Petani<br>2. Peladang / Peneroka<br>3. Penoreh<br>4. Penternak</td><td rowspan="3">1. PIBG Sekolah<br>2. Pelajar sekolah<br>3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)<br>4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)</td></tr>
<tr><td>Perikanan</td><td>1. Nelayan laut<br>2. Nelayan darat</td></tr>
<tr><td>Perdagangan</td><td>1. Peniaga<br>2. Penjaja<br>3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)<br>4. Pengusaha Homestay</td></tr>
<tr><td>Perindustrian</td><td>1. Pemilik kilang</td><th>Organisasi / Persatuan</th></tr>
<tr><td>Perkhidmatan</td><td>1. Petugas/Penyelia PPDK<br>2. Veteran ATM dan Polis<br>3. Penghulu-Penghulu Mukim<br>4. Pemimpin Tempatan<br>5. Malim gunung</td><td>1. Badan bukan kerajaan (NGO)<br>2. Persatuan Sukarelawan<br>3. Persatuan Penduduk<br>4. Koperasi Komuniti</td></tr>
</table>

**PENEMUAN KESELURUHAN**

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam Jadual 3.

| ZON / WILAYAH | ISU UTAMA |
|---|---|
| Zon Utara | • Gejala sosial<br>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan<br>• Kos sara hidup yang tinggi<br>• Keciciran Pendidikan<br>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas<br>• Masalah banjir<br>• Pencemaran air dan udara |

| | |
|---|---|
| Zon Timur | • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan<br>• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian<br>• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani<br>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan<br>• Penghijrahan ke bandar<br>• Kos sara hidup yang tinggi |
| Zon Tengah | • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan<br>• Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah<br>• Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah<br>• Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia |
| Zon Selatan | • Masalah banjir<br>• Konflik hidupan liar dan manusia<br>• Keciciran pendidikan<br>• Kenaikan kos sara hidup<br>• Kesukaran mendapatkan lesen nelayan<br>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas |
| Wilayah Sabah | • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah<br>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi<br>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)<br>• Keperluan sokongan dan bantuan penjanaan pendapatan<br>• Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien |
| Wilayah Sarawak | • Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir<br>• Penyeludupan barang di sempadan<br>• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah<br>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi<br>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)<br>• Konflik pemilikan tanah<br>• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa<br>• Konflik manusia – hidupan liar |

# BAHAGIAN A

**LAPORAN**

**LAWATAN PEMETAAN ISU**

P.003 ARAU




*3 - 6 Mei 2024 (Jumaat - Isnin)*

# TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

## HARI 1

1. Sesi Dialog Bersama Pengusaha Kebun & Petani/Penternak
2. Sesi Dialog Bersama Masyarakat Cina
3. Sesi Dialog Bersama Belia
4. Sesi Dialog Bersama Nelayan Laut

## HARI 2

5. Lawatan Tapak 1 - Bandar Diraja Arau, Perlis
6. Lawatan Tapak 2 - Pusat Jualan Harumanis
7. Lawatan Tapak 3 - Ladang Harumanis
8. Lawatan Tapak 4 - Koperasi Usahawan Utan Buluh
9. Sesi Dialog bersama Ibu Tunggal
10. Sesi Dialog bersama Komuniti India

## HARI 3

11. Sesi Dialog bersama Wakil Pengusaha Homestay
12. Sesi Dialog bersama Wakil FELDA//RISDA/JPKK Kampung
13. Sesi Dialog bersama Masyarakat Siam
14. Sesi Dialog bersama Wakil Pesawah & Pihak MADA
15. Lawatan Tapak 5 - Sungai & Isu Perparitan di Arau-Felcra Ulu Pauh

## HARI 4

16. Sesi Dialog bersama Wakil PPDK
17. Lawatan Projek Solusi di PDK Jauhar Jannah

## PASUKAN PENYELIDIK



**Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim**
(Ketua Penyelidik)



**Mr Karuppiah A/L Palaniey**



**Nur Fatehah Ab. Halim**



**Siti Shafina Sanusi**



## 19 Disember 2023 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awal bersama YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim (Parlimen Arau) di Pejabat Parlimen Malaysia. Perbincangan ini telah dihadiri oleh Puan Rahmah Othman (Pengarah Kanan) dan Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim (ketua penyelidik Parlimen Arau). perjumpaan ini adalah sesi awal berhubung pengenalan SDG, gerak kerja APPGM-SDG, profil kawasan parlimen dan lawatan kerja lapangan bagi Parlimen Arau. Tarikh lawatan ke parlimen Arau telah dicadangkan pada 20 hingga 23 April 2024. Namun begitu telah dipinda kepada 3-6 Mei 2024.



## 2 Mei 2024 - Perbincangan Program Kerja Lapangan & Pengutamaan isu

Perjumpaan bersama Ahli Parlimen Arau, YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim di Majlis Rumah Terbuka Perpaduan Di Hati sempena Hari Raya di Kangar, Perlis. Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim dan pasukan kerja lapangan bagi Parlimen Arau dari APPGM-SDG telah memberi penerangan mengenai program tentatif lawatan, komuniti FGD dan perbincangan projek yang akan dilaksanakan di Parlimen Arau.



## 1: Sesi Dialog bersama Pengusaha Kebun & Petani/Penternak

Sesi FGD 1 ini melibatkan Pengusaha Kebun & Petani/Penternak. Seramai 18 orang petani hadir bersama En. Khairy, pegawai khas MP Arau. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Insentif padi daripada Peladang kepada pesawah, **(2)** Isu pemilikan tanah pesawah, **(3)** Bekalan racun dan baja yang lewat daripada jadual tuaian, **(4)** Banjir disebabkan limpahan pertembungan 2 sungai dan mengakibatkan kerugian, **(5)** Kelengkapan ternakan ikan (tong ternakan ikan) tidak mencukupi daripada kuantiti benih ikan yang dibekalkan oleh Jabatan Perikanan, **(6)** Kecurian buah harum manis, **(7)** Persaingan jualan harumanis (bermusim & penduduk tempatan), **(8)** Penetapan kualiti buah oleh FAMA (*Gred A*), **(9)** Penagih dadah (*ice*).




## 2: Sesi Dialog bersama Masyarakat Cina

Sesi FGD 2 ini melibatkan komuniti Cina seramai 10 orang mewakili (4 Dun) iaitu DUN Pauh, Tambun Tulang, Guar Sanji, Simpang Empat dan Sanglang. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kos sara hidup yang tinggi, **(2)** Tidak mendapat bantuan JKM, **(3)** Kes kecurian hasil tanaman dan ternakan, **(4)** Isu kediaman.






## 3: Sesi Dialog bersama Belia

Sesi FGD 3 ini melibatkan wakil belia dari (4 Dun) iaitu Pauh, Tambun Tulang, Guar Sanji, Simpang Empat dan Sanglang. Antara isu yang telah dibangkitkan adalah: **(1)** Isu pelacuran di kalangan pelajar sekolah (rendah & menengah), **(2)** Masalah kewangan keluarga, (**3**) Gejala sosial akibat perpecahan keluarga, **(4)** Tiada pusat aktiviti riadah. Bangunan sedia terbengkalai, **(5)** Tidak mendapat bantuan kebajikan, **(6)** Tiada peluang pekerjaan, **(7)** Kuasa pembeli yang rendah, **(8)** Kurang dalam pelbagai Kemahiran,(berminat terhadap 'game', tiktok), **(9)** Sikap belia, malas, faktor memilih kerja & pengaruh rakan sebaya, (**10**) Kes ponteng sekolah, (**11**) Penggunaan vape berleluasa, **(12)** 80% tidak penuhi syarat-sambung belajar, **(13)** Lumba motor haram.





## 4: Sesi Dialog bersama Nelayan Laut

Sesi FGD 4 ini melibatkan Nelayan Laut di Kuala Sungai Padang Sanglang. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Nelayan laut tiada lesen operasi (pukat sorong), **(2)** Permohonan lesen yang di benarkan hanya dibuka kepada pukat hanyut sahaja, **(3)** Ketiadaan lesen menyebabkan nelayan tidak berdaftar dengan mana-mana persatuan, **(4)** Gagal mendapatkan sebarang bantuan/insentif kerajaan, **(5)** Kos operasi untuk turun ke laut tinggi dan tidak setimpal dengan hasil tangkapan, **(6)** Persaingan nelayan di kalangan warga asing, **(7)** Kos sara hidup yang tinggi. Cadangan: Wakil nelayan turut mencadangkan kajian semula permohonan lesen nelayan pukat sorong.











## 5: Lawatan Tapak 1 - Bandar Diraja Arau, Perlis

Lawatan Tapak 1 ini telah diadakan oleh pasukan penyelidik dari APPGM-SDG sempena Bandar Di Raja Arau sebagai Bandar Warisan. Antara perkongsian adalah kawasan ini mengalami kesesakan dengan pengunjung terutama di hujung minggu.







## 6: Lawatan Tapak 2 - Pusat Jualan Harumanis

Lawatan Tapak 2 ini bertujuan untuk mengetahui pihak pembelkal dalam pemprosesan & mengenalpasti gred harumanis (A,B,C & D) serta proses penghantaran kepada pengguna terutama di luar dari negeri Perlis.






## 7: Lawatan Tapak 3 - Ladang Harumanis

Lawatan Tapak 3 adalah di kawasan 2 pengusaha harumanis iaitu En Hanif Husein dan YB Dato Seri’ Shahidan Kasim yang di uruskan oleh En, Rosli. Terdapat 1000 buah pokok harumanis yang telah diusahakan. Antara perkara yang berbagkit adalah, **(1)** Kos pertanian yang meningkat, **(2)** Kecurian bermusim, **(3)** Pihak FAMA - mengambil Gred A Sahaja, **(4)** Selain Gred A, harus dijual sendiri, **(5)** Kurang tenaga kerja.







## 8: Lawatan Tapak 4 - Koperasi Usahawan Utan Buluh

Lawatan Tapak 4 merupakan lawatan di Koperasi Ushawan Utan Buluh, Arau. Koperasi ini menghasilkan produk harumanis untuk dipasarkan kepada pengguna mengikut permintaan, Antara hasil produk adalah sos harumanis, sambal, daging, ayam pekasam, cucuk badak, nangka dan Pes masakan.






## 9: Sesi Dialog bersama Ibu Tunggal

Sesi FGD 5 ini melibatkan Ibu Tunggal. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kekeliruan terhadap maklumat e-kasih dan mykasih, **(2)** Tidak mendapat bantuan JKM dan insentif perniagaan, **(3)** Maklumat bantuan kerajaan tidak sampai kepada golongan ibu tunggal, **(4)** Tiada tuisyen percuma disediakan untuk anak bersekolah, **(5)** Agihan bantuan diberikan kepada golongan yang tidak layak, **(6)** tidak memahami prosedur JKM, **(7)** bu tunggal kekurangan motivasi & tidak tahu dengan siapa untuk dirujuk (selepas bercerai), **(8)** tidak mendapat layanan yang baik daripada kakitangan pegawai JKM, **(9)** tidak sensitif terhadap keperluan ibu tunggal (usahawanita). Justeru itu, Wakil ibu tunggal mencadangkan kajian semula kriteria permohonan tekun dan keutamaan tapak perniagaan kepada ibu tunggal.







## 10: Sesi Dialog bersama Komuniti India

Sesi FGD 6 ini melibatkan Komuniti India. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Diskriminasi dalam pemberian lot kedai PBT, **(2)** Tiada dokumen pengenalan diri yang sah (lebih 18 tahun), **(3)** Aduan penduduk tiada tunaikan oleh pihak ADUN, **(4)** Tiada peluang pekerjaan, **(5)** Tidak mendapat bantuan mykasih, **(6)** Kekeliruan antara mykasih dan E-kasih, **(7)** Tiada maklum balas permohonan bantuan dana pendidikan – Jabatan Pendidikan Perlis, **(8)** Tidak mendapat bantuan – warga emas di Dun Pauh.





## 11: Sesi Dialog bersama Wakil Pengusaha Homestay

Sesi FGD 7 ini melibatkan wakil pengusaha homestay di parlimen Arau. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Isu pelesenan bersama PBT dan MoTAC, **(2)** Wujud kes pelacuran dan pemprosesan dadah di homestay, **(3)** Pembinaan homestay di atas pemilikan tanah berstatus pertanian, **(4)** Pembangunan Negeri yang tidak seimbang dengan kapasiti menyebabkan akses utiliti dan infrastruktur yang tidak cekap seperti bekalan elektrik, bekalan air, kerosakan jalan raya, ketiadaan lampu jalan, jaringan internet yang lemah dan paparan papan tanda, **(5)** Prosedur baru KPKT menguatkuasakan Kebenaran Merancang (KM) yang membebankan, **(6)** Perlis hanya menjadi laluan pelancong ke Thailand dan bukan destinasi hentian pilihan, **(7)** Harga pakej homestay yang tidak selaras.



## 12: Sesi Dialog bersama Wakil FELDA/RISDA/JPKK Kampung

Sesi FGD 8 ini melibatkan Wakil FELDA/MADA/RISDA/JPKK Kampung. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kekurangan peruntukan bagi penyelenggaraan jalan ladang, **(2)** Keperluan infrastuktur pengairan dan saliran kawalan laluan air dari kawasan kecil ke besar kerana air sentiasa tidak mencukupi di kawasan sawah, **(3)** Keperluan mesin pengorek untuk cuci saluran air, **(4)** Maklumat dari Kerajaan Pusat selalu tidak sampai untuk pesawah minta bantuan sekiranya padi sakit atau bencana, **(5)** Kekurangan tenaga kerja untuk menanam padi (tenaga muda). Wakil pesawah dalam kawasan pihak MADA turut mencadangkan: **(1)** Berikan permit Upah Menanam Padi kepada warganegara asing (Rohingya), **(2)** Kaji semula proses menghasilkan variety padi.








## 13: Sesi Dialog bersama Masyarakat Siam

Sesi FGD 9 ini melibatkan masyarakat Siam di Kg Rambai. Dari segi profil perkampungan ini terdapat 37 KIR dan 187 jumlah penduduk yang terdiri dari bangsa asli masyarakat siam dan beragama Buddha. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Pendapatan tidak menentu sebab hasil tanaman dibeli oleh peraih dengan harga terlalu rendah (timun, kacang panjang, petola, ubi keledek), **(2)** Pendapatan utama adalah menoreh getah, petani dan kontraktor, **(3)** Masalah bekalan air selalu putus, **(4)** Cuaca panas mengakibatkan penyakit pada tanaman, **(5)** Jalanraya sempit dan berlubang disebabkan oleh lori masuk, **(6)** Ancaman binatang liar seperti kera dan Babi Hutan dan ular.









## 14: Sesi Dialog bersama Wakil Pesawah & Pihak MADA

Sesi FGD 10 ini melibatkan pesawah yang dibawah pemantauan pihak MADA. Perkara yang dikongsi adalah **(1)** Benih padi yang tidak berkualiti, **(2)** Dana peruntukan yang berkurangan, **(3)** Bantuan tidak sampai, **(4)** Masalah banjir.




### 15: Lawatan Tapak 5 - Sungai & Isu Perparitan di Arau - Felcra Ulu Pauh

Lawatan Tapak 5 ini telah dijalankan di Kg lalang dun Pauh, Padang Telala dan kawasan MADA. Antara perkara berbangkit adalah **(1)** Tiada penambahbaikan dalam sistem perparitan, **(2)** Masalah banjir, **(3)** Tiada penyelenggaraan dilaksanakan.




### 16: Sesi Dialog bersama Wakil PPDK

Sesi FGD 11 ini melibatkan Wakil PPDK. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Penukaran polisi PPDK daripada Persatuan (NGO) kepada Pusat Jagaan, **(2)** Kurangnya peluang latihan kemahiran penjagaan OKU kepada Petugas PPDK, **(3)** Kaji semula pelarasan jawatan dan tangga gaji petugas PPDK perlu diletakkan di bawah SPA (jawatan tetap), **(4)**Tiada pusat pengumpulan produk hasil PDK (cenderahati, makanan frozen, hasil tanaman, kraftangan dll). Terdapat cadangan dari pihak PPDK iaitu: **(1)** Wujudkan One Stop Center untuk pengumpulan hasil produk PDK.










## 17: Lawatan Projek Solusi di PDK Jauhar Jannah

Lawatan ke PPDK Jauhar Jannah di Kangar yang diuruselia oleb Dr Arthifah dari Uitm, Perlis. Dimaklumkan terdapat 42 pelajar OKU (pelbagai kategori) & 7 orang guru pelatih serta 1 orang penyelia. Didapati dana yang diperuntukan daripada APPGM- SDG telah membantu mereka untuk menambahkan sumber pendapatan (Contoh: produk hasil PDK dapat dipasarkan) & hasil kebun secara kecil- kecilan.

# BAHAGIAN B

## LAPORAN PEMETAAN ISU

P.003 ARAU

## 1.0 PENGENALAN

*Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Arau ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim dari parti Perikatan Nasional (PN).*




YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim

| | |
|---|---|
| **Parlimen** | P 003 |
| **Kawasan** | Arau |
| **Negeri** | Perlis |
| **Jumlah penduduk** | 97,332 orang |

| BIL. | KAUM | BIL. | % |
|---|---|---|---|
| 1. | Bumiputera | 85,873 | 88.2 |
| 2. | Cina | 6,307 | 6.4 |
| 3. | India | 2,243 | 2.3 |
| 4. | Lain_lain | 1,599 | 1.6 |
| 5 | Bukan Warganegara | 1,430 | 1.5 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **97,332** | **100.00** |

*Sumber: Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Arau Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.*

**Kegiatan ekonomi utama**

- Pertanian- kelapa sawit, getah, ternakan, sayur-sayuran, padi, buah-buahan
- Perniagaan -peruncitan, gerai, premis perniagaan
- Perindustrian- industri kecil sederhana & desa
- Pelancongan- Bandar Diraja Arau, rekreasi

**Pasukan kajian**

1. Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim: Ketua Penyelidik
2. Siti Shafina Sanusi: Pembantu penyelidik
3. Karrupiah A/L Palaniandy: Pembantu penyelidik
4. Nur Fatehah Ab. Halim: Pembantu penyelidik

## 2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 11 FGD dan 5 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 4 hari di kawasan lokaliti Parlimen Arau dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Perlis

| TARIKH | PERKARA |
|---|---|
| **3 Mei 2024,** Jumaat | • Dialog Bersama Komuniti Penternak & Pekebun Padang Siding, Arau<br>• Dialog Bersama Komuniti Cina<br>• Dialog Bersama Komuniti Belia, Tambun Tulang<br>• Dialog Bersama Komuniti Nelayan Laut, Kuala Sungai Padang Sanglang |
| **4 Mei 2024,** Sabtu | • Lawatan ke Bandar Diraja, Arau, Perlis<br>• Lawatan ke Pusat Jualan Harumanis<br>• Lawatan ke koperasi Usahawan Utan Buluh, Perlis<br>• Lawatan ke Ladang Harumanis Utan Buluh<br>• Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal, Tambun Tulang<br>• Dialog Bersama Komunti India, Arau |
| **5 Mei 2024,** Ahad | • Dialog Bersama Komuniti Homestay, Guar Sanji Arau<br>• Lawatan bersama Wakil MADA/RISDA, Tambun Tulang<br>• Dialog Bersama Komuniti Siam, Kampung Rambai<br>• Dialog Bersama Komuniti Pesawah/MADA<br>• Lawatan ke Sungai & Perparitan – Ulu Pauh, Kg Teluk, Kg Stesen/Titi Besi |
| **6 Mei 2024,** Isnin | • Dialog dan Lawatan ke Pusat PPDK Arau, Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah |
| **24 Mei 2024**, Jumaat | • Dialog Bersama agensi kerajaan di Perak Tengah & Hilir Perak |

**PENEMUAN KAJIAN**

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| **ISU SOSIAL** | | | |
| Tiada dewan untuk aktiviti belia | • Komunti Belia, Tambun Tulang | • Tiada kemudahan rekreasi untuk warga belia seperti padang bola, taman rekreasi, dan futsal court<br>• Ini juga membuatkan belia membuat aktiviti yang tidak berfaedah. | **Pejabat Belia, Perlis:**<br>Memaklumkan dewan yang sedia ada dan terbengkalai, menyatakan secara umum, Jabatan Belia, telah mempunyai memperuntukan untuk membina fasiliti untuk komuniti dan memerlukan agensi untuk mengendalikan projek komuniti tersebut. |
| Masalah sosial | | • Isu pelacuran dikalangan pelajar sekolah (rendah & menengah).<br>• Selain itu, pelacuran juga turut berlaku di kawasan homestay<br>• Berpunca daripada kos sara hidup dan tekanan.<br>• Gejala sosial berleluasa akibat perpecahan keluarga, tekanan hidup dan keperluan kewangan<br>• Selain itu berlaku juga lumba motor secara haram | **Pejabat Pendidikan, Perlis**<br>Makluman berhubung isu tersebut, jika berkaitan dengan pelajar sekolah yang melibatkan isu dadah, pelacuran dan vape ianya melibatkan pihak AADK, PDRM dan sekolah. Adalah menjadi tanggungjawab sekolah mengawal ketika pelajar itu berada di sekolah dan menjadi kekangan bila berada di kawasan persekolahan. Memang tidak dinafikan kawasan parlimen Arau mencatat masalah ketidakhadiran yang tinggi terutama di Padang Siding. Faktor berlakunya isu tersebut komposisi kaum, sikap pelajar, kemiskinan dan motivasi yang rendah dikalangan keluarga tentang kepentingan pendidikan. |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| Penyalahgunaan dadah dan ketum | • Belia, pelajar sekolah | • Isu moral golongan muda kampung (pergaulan dan pangaruh)<br>• Dadah dan ketum yang mudah diperolehi atas faktor sempadan<br>• Berlaku kecurian dan dadah di kawasan kampung terutama musim buah harumanis<br>• Selain berlaku pemprosesan dadah di homestay<br>• Jenis dadah yang diminati adalah ganja dan ice | **AADK, Perlis:**<br>Di peringkat daerah ni, AADK Perlis, isu ini melibatkan agensi keselamatan Polis, AADK dan pihak sekolah kerana masih dalam kawalan Kementerian pendidikan dan mengikut prosedur agensi masing-masing.<br>Data parlimen Arau paling tinggi dengan 275 kes. Terdapat kerjasama dari JPN dan sekolah, pihak AADK akan menjalankan *test urine,* motivasi, ceramah dan program komuniti. Manakala ketum (Akta racun) dan vape memang ada tapi pihak kerajaan masih tidak mempunyai akta secara sah yang menyatakan ketum dan vape itu salah. Ketum akan disabitkan dengan kesalahan apabila proses menjadi dadah yang diletakan bawah Akta dadah. |
| Berlaku keciciran pelajar sekolah | • Belia<br>• Ibu tunggal<br>• Komuniti India | • Ini kerana terdapat ramai pelajar yang berhenti sekolah dan penteng sekolah kerana tidak minat ke sekolah<br>• Terdapat juga pelajar berhenti dari sekolah dan bekerja di usia yang sangat muda<br>• Keadaan ini menjejaskan kerjaya dan pendidikan mereka | **Pejabat Pendidikan Perlis:**<br>Maklum balas dari pihak PPD menjelaskan semua pelajar akan dapat bantuan yang sama dari kerajaan. Keciciran ini berlaku kerana kesukaran penganggkutan, masalah keluarga, kemiskinan, sempadan dan bekerja untuk membantu keluarga.Justeru itu, kami cuba melakukan beberapa pindaan berhubung pelajar yang tercicir dengan Pelajaran dengan mengatur program |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | | kemballi ke sekolah dan motivasi dengan bantuan JKM, PDRM dan guru sekolah.<br><br>**Jabatan Belia, Perlis**<br>Pihak Belia, menyatakan masalah dispilin dan sikap pelajar sekolah menjadi punca aktiviti tersebut berlaku. Setiap bulan, pihak Belia ada menyediakan kursus kemahiran yang diberikan secara percuma, kemahiran, keusahawanan dan program motivasi untuk membantu belia muda yang tercicir. |
| Kekurangan kemudahan asas (lampu jalan, air) | • Komuniti homestay | • Kekurangan lampu dan jalan berturap menyebabkan jalan gelap dan selekoh berbahaya<br>• Selain itu, bekalan air tidak memcukupi<br>• Jalan juga perlu dbaiki bimbang kekerapan berlaku kemalangan | **Syarikat Air, Perlis:**<br>Untuk makluman, masalah air di Perlis ni, pihak Syarikat Air Perlis,ada menghantar permohonan kepada kerajaan negeri dan Persekutuan berhubung dengan memohon dana untuk program menaiktaraf pum air. Namun, masih dapat sebarang maklum balas. Manakala untuk aktiviti homestay, dinasihatkan jangan bergantung sepenuhnya kepada paip air, mereka perlu menyediakan tangki air secukupnya kerana homestay di Perlis adalah sangat tinggi. |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| Kurang mahir tentang pemasaran secara digital | • Ibu Tunggal | • Kebanyakan ibu tunggal kurang peka dan mahir dalam pemasaran digital.<br>• Ini kerana mereka dalam golongan wanita yang berumur dan mereka tidak begitu berpegalaman dalam menjalankan aktiviti perniagaan secara atas talian.<br>• Ini menyebabkan ramai di antara mereka yang terlibat dalam usahawan berskala kecil tidak mampu untuk mengembang perniagaan mereka, pasaran terhad dan tidak dapat mempromosikan produk-produk IKS mereka | *Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan kerana wakil **JKM- Perlis** tidak menghadirkan diri semasa perbincangan tersebut* |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| Sikap sensitif dan mentaliti | | • Sikap kurang kesedaran dalam kalangan wanita atau ibu tunggal tentang kepentingan program kemahiran, pergaulan terbatas, malu dan lebih bersikap individu<br>• Selain itu, kebanyakan golongan wanita tidak mahu mengubah kehidupan sendiri kerana alasan sukar mendapat kerjasama dari agensi yang terlibat walaupun di bantu oleh persatuan ibu tunggal | **Jabatan Pembangunan Wanita, Perlis**<br>Untuk makluman semua, ibu tunggal ni snediri dibawah Jabatan Pembangunan Wanita dan pihak kami ada menawarkan program dan kauseling untuk memberi jalan penyelesaian dan motivasi individu. Selain itu, pihak Jabatan Agama Islam turut membantu masalah ibu tunggal |
| Struktur bangunan PDK yang lama | • PDK, Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah | • Masih menyewa bangunan lama dan belum mempunyai bangunan sendiri<br>• Kemudahan asas yang terhad sebagai contoh bilik untuk kanak-kanak atau pelatih dewasa<br>• 1 bilik hanya mampu memuatkan 4 orang pelatih sahaja. | **Makluman:**<br>*Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan kerana wakil JKM- Perlis tidak menghadirkan diri semasa perbincangan tersebut* |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| **ISU EKONOMI** | | | |
| Kekurangan peluang pekerjaan | • Belia<br>• Nelayan Laut | • Peluang pekerjaan di sekitar kawasan agak terhad. kebanyakan peluang pekerjaan yang wujud adalah jauh dari kawasan kampung dan bandar<br>• Ramai belia berhijrah ke KL, Penang, Kedah untuk mencari pekerjaan. Kebanyakkan sumber ekonomi di Perlis adalah pertanian dan belia kurang berminat untuk menjalankan aktiviti pertanian.<br>• Nelayan laut juga turut terkesan kerana mereka terpaksa melakukan 2-3 kerja dalam 1 hari untuk sumber pendapatan | **Jabatan Belia, Perlis**<br>Pihak Belia, menjelaskan kita telah ada peruntukan daripada KBS untuk membangunkan fasiliti yang berkaitan dengan komuniti. Dari segi, projek di Jabatan Belia ni kita banyak kerjasama dengan persatuan dan pertubuhan belia. Namun masalahnya adalah belia kini kurang minat untuk persatuan dan maklumat tidak sampai. Selain itu, kerjasama dari PERKESO dengan mengadakan temuduga terbuka, namun belia yang hadir sangat sedikit dan mengecewakan. Justeru itu, pihak Belia cuba menyemak kembali strategi untuk menggalakan para belia menyertai pertubuhan dan persatuan. |
| Kos sara hidup yang tinggi | • Petani & Penternak Padang Siding<br>• Komuniti Siam, Kg Rambai komuniti Cina, India | • Kenaikan harga barangan tahun ini memang banyak menjejaskan kehidupan mereka contohnya minyak masak dan keperluan dapur yang lain. | *Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.* |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | • Pesawah Ulu Pauh, Titi Besi, Kg, Stesen, Nelayan Laut, Ibu Tunggal | • Kesemua harga barang kegunaan harian menaik harganya sekurang-kurangnya 50%.<br>• Sumber pendapatan tidak menentu dan terjejas<br>• Pengguna turut menyatakan barang yang dikategorikan tidak keperluan ditentukan oleh agensi kerajaan telah merugikan sesetengah pihak | |
| Kos pertanian yang semakin meningkat | • Petani Padang Siding/ Persawah Ulu Pauh, Kg. Stesen, Titi Besi<br>• Penguasaha harumanis | • Harga kos pertanian yang semakin meningkat<br>• Peralatan pertanian yang agak mahal contoh paip air, kayu dan pagar<br>• Beberapa petani/pengusaha terpaksa tidak meneruskan aktiviti mereka kerana tidak mampu menampung kos yang mahal. | **Lembaga Pertubuhan Peladang, Perlis:**<br>Untuk makluman, tidak ada harga kawalan dalam penjualan peralatan pertanian. Kenaikan kos yang mahal biasanya dalam kalangan pembekal yang menyebabkan, petani atau pesawah atau pengusaha terpaksa menanggung kos pembelian tersebut |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| Masalah inisiatif padi | • Petani/ Pesawah Padang Siding | • Peladang diberi insentif pembelian semula beras/padi daripada pesawah dengan bayaran RM50/1 tan. Tetapi apabila pesawah jual hasil kepada peladang, mereka hanya dapat RM40/1 tan. Persoalannya dimana pergi lebihan wang RM10 lagi.<br>• Terdapat beberapa *complaint* dari pembeli luar berkenaan isu bacaan penimbang tidak tepat | **Jabatan Peladang Perlis:**<br>Memaklumkan mengenai masalah pembelian inisiatif RM50 adalah dari pengilang yang melibatkan proses tenun di kilang padi. Berkemungkinan berlaku ketidakfahaman prosedur pengilangan.<br><br>Manakala, isu penimbang, pihak KPDNK telah ke pusat penimbang PPK, pusat penimbang bernas dan kilang terlibat. Untuk menjalankan membuat pemeriksaan kerana kebanyakan proses timbang dan perhitungan adalah diuruskan oleh Syarikat swata. Sehingga kini, keputusan pihak KPDNK adalah tidak menyalahi perundangan |
| Perubahan iklim | | • Risiko perubahan iklim yang tidak menentu cth- hujan & cuaca panas<br>• Ramai petani terpaksa mengalami kerugian terutama semasa kemarau dan saliran tidak menentu | **Jabatan MADA:**<br>Memaklumkan yang kita menghadapi cuaca tidak menentu, seperti kemarau, banjir adalah fenomena alam dan kuasa tuhan. Justeru itu, senario itu adalah diluar kemampuan bidang pihak kami |
